

KEGANASAN PERSEPSI DAN ANCAMAN TERHADAP MALAYSIA

Oleh : Jentayu

Keruntuhan Kesatuan Soviet pada 1991 menandakan perubahan struktur antarabangsa yang bersifat bipolar kepada unipolar dengan Amerika Syarikat muncul sebagai satu-satunya negara hegemoni di dalam sistem antarabangsa. Semenjak dari saat itu, segala polisi kewangan dunia di kawal oleh Amerika Syarikat dan negara-negara konconya melalui sistem perdagangan bebas dan memaksa sekalian negara-negara yang menjadi aktor di dalam sistem antarabangsa menganut fahaman kapitalis dalam urusan kewangan dan mereka.

China, sekalipun dikenali sebagai salah sebuah negara komunis terbesar di dunia sebenarnya telah lama membuka dasar ekonominya bagi menyerap ledakan dan ketumbukan arus ekonomi globalisasi yang berputar mengikut paksi kapitalis semenjak tahun 1978 di bawah kepimpinan Deng Xiopeng. Dasar yang dikenali sebagai glasnost ini dilihat berjaya memacu ekonomi China berkembang dengan pantas sekalipun sistem pentadbiran dan pemerintahan China masih lagi bersifat sosialis. Hal yang tampak agak bercelaru, mana mungkin sistem pemerintahan masih bersifat sosialis tetapi sistem ekonominya bersifat kapitalis, tetapi China telah membuktikan mereka berjaya mengamalkan dua sistem yang tidak selari umpama air dan minyak yang tidak betah bersatu namun terus gagah mencapai misi dan visinya agar muncul sebagai kuasa hegemoni rantau Asia Pasifik. Kemuncaknya, pada tahun 2014, China telah berjaya mengatasi Amerika Syarikat dan muncul sebagai kuasa ekonomi dunia.

Keselamatan ekonomi bagi setiap negara dilihat amat penting bagi mengekalkan survival di dalam sistem antarabangsa yang bercorak anarki ini. Jika diamati, semenjak Perang Dunia pertama, negara-negara yang mengambil bahagian di dalam peperangan terbesar dalam sejarah peradaban moden manusia itu adalah untuk menguasai sumber ekonomi. Begitu juga Perang Dunia kedua, pihak Berikat dan Axis menguasai negara lain adalah untuk menguasai sumber ekonomi. Rentetan sejarah yang dilakarkan oleh Thucydides melalui karya agungnya yang bertajuk The Peloponessian War juga

memperlihatkan pertembungan antara dua buah negara kota yang hebat dan gadang iaitu Sparta dan Athens.

Benar, pertembungan antara empayar dan negara-negara di dalam sesebuah peperangan itu adalah untuk menguasai antara satu sama lain dan juga memastikan survival mereka sebagai aktor negara akan terus terpelihara, tetapi persoalannya adalah untuk apa jika sesebuah negara itu menguasai negara lain yang miskin sumbernya? Melaka diserang kerana kekayaannya sebagai sebuah empayar maritim teragung di Nusantara dan dasar imperialisme Barat pasca Renaissance terhadap rantau lain di luar Eropah juga adalah kerana sumber kekayaan sesebuah wilayah tersebut. Hari ini, jika disebut negara-negara seperti Burkina Faso, Sierra Leone, Togo dan beberapa negara di benua Afrika pasti akan tergambar di kotak pemikiran kita akan kemiskinan dan kelaparan, tetapi tahukah bahawasanya hasil mahsul yang berupa berlian paling berkualiti di dunia telah dipungah dan dijarah habis habisan oleh imperialis Perancis selama mana mereka menjajah negara-negara tersebut?

Sayugia dinyatakan bahawasanya melalui sistem negara bangsa moden yang diamalkan pada hari ini, setiap negara saling berlumba-lumba untuk mempertahankan dan mempertingkatkan kepentingan nasional masing-masing dengan menggunakan medium ekonomi sebagai kaedah yang paling berkesan.

Negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat sekalipun secara fizikal tidak menjajah negara lain tetapi menggunakan kaedah proksi sebagai kaedah mengaut dan menjarah kekayaan negara lain. Hal ini dapat dilihat melalui kerjasamanya dengan Myanmar yang pada suatu ketika dahulu adalah sebuah negara yang dimusuhi oleh mereka. Namun, setelah rejim Junta pimpinan Than Shwe jatuh dan digantikan pula oleh Thien Sein, Amerika Syarikat mula menjalankan agendanya untuk menjadikan Myanmar sebagai negara "pak turut" nya melalui segala bentuk bantuan dan lebih ironi, sekatan ekonomi yang dikenakan sedari 1988 telah ditarik balik. Oleh itu, sudah pasti Naypyidaw akan terhutang budi dan sanggup menjadi balaci Amerika Syarikat lebih-lagi pimpinan baru Myanmar yang sangat pro kepada Barat.

Usaha dan nafsu besar Amerika Syarikat sudah pasti tidak akan berhenti setakat di rantau pesisir Laut Andaman itu sahaja, tetapi kini mereka mulai mengacukan meriam durjana mereka untuk menyerang keutuhan ekonomi Malaysia melalui pelbagai kaedah. Mereka sangat arif dalam memainkan isu dan sentimen masyarakat Malaysia dengan menimbulkan perasaan ragu-ragu terhadap kerajaan Malaysia dalam menguruskan ekonomi dan pentadbiran negara.

Setelah sekian lama sumber-sumber yang berakar umbi di Amerika Syarikat seperti Wall Street Journal (WSJ) tidak diendahkan oleh masyarakat Malaysia, kini secara tiba-tiba WSJ dijadikan sumber yang paling afdal untuk dipercayai oleh segelintir rakyat Malaysia serta diangkat sebagai kalam suci yang maha agung untuk dipuja dan dipercayai! Sekalian rakyat yang dangkal sifat tabbayun mula menunjal kepala pemimpin dengan tuduhan-tuduhan bahawa negara ini akan mufliis, pemimpin dan keluarganya boros, ekonomi Malaysia berada di tahap paling teruk dan sebagainya.

Ledakan kebencian terhadap kerajaan tidak terhenti setakat itu, malahan Department of Justice (DOJ) Amerika Syarikat pula menjadi sandaran utama oleh segelintir rakyat Malaysia untuk menyerang kepimpinan negara ini. Persoalannya, apa sudah jadi dengan rakyat Malaysia? Kepercayaan terhadap Barat melebihi kepada kerajaan sendiri? Semenjak bila sumber-sumber yang dikeluarkan oleh Barat menjadi bukti paling ampuh untuk dipercayai, sedangkan pihak-pihak ini juga yang terkinja-kinja mengkritik Barat apabila Iraq, Libya dan Palestin diserang? Ini adalah satu malapetaka yang maha dasyat untuk sebuah negara yang bernama Malaysia bila mana rakyatnya telah tiada jati diri dan harga diri kerana begitu mudah disogokkan dengan sentimen kebencian yang melampau hingga sanggup menjual maruah diri sebagai seorang warganegara!

Libya, Iraq, Tunisia adalah antara negara yang telah hancur diganyang oleh kuasa Barat. Negara-negara Islam tersebut pernah suatu ketika menjadi negara yang paling lantang menentang kerakusan Amerika Syarikat dan sekutunya, namun kini telah musnah, manakala pemimpin seperti Muammar Gaddafi dan Saddam Hussein telah mati dan maruahnya diinjak-injak oleh Barat dengan bantuan rakyatnya sendiri. Benar, adakalanya dasar-dasar yang dilakukan oleh pemimpin amat tidak populis dan

membangkitkan kemarahan rakyat, tetapi ia tetap juga dilakukan demi kepentingan negara untuk jangka masa panjang. Ibarat menanam pohon, mustahil esoknya ia akan berbuah tetapi memerlukan masa yang lama untuk pohon tersebut mengeluarkan hasil. Begitu juga dengan sesuatu dasar yang dilaksanakan, sudah pasti ia akan mengambil masa yang lama malah bertahun untuk dinikmati oleh rakyat. Malaysia pada waktu ini berdepan dengan cabaran di peringkat sistemik yang ditajai oleh Barat demi memastikan agenda hegemoninya dapat diperluaskan. Kaedah yang paling ampuh adalah melalui ekonomi kerana melalui penguasaan dalam bidang ekonomi, politik dan strategik dapat dikawal.

Perihal kesalingbergantungan antara ekonomi, politik dan strategik amat berkait rapat dan ia boleh ditafsirkan dengan menggunakan teori domino. Sekiranya ekonomi sesebuah negara itu jatuh dan lemah, maka sudah pasti berlakunya ketidakstabilan politik yang membawa kekacauan domestik sesebuah negara. Pramoedya Ananta Toer pernah menyatakan di dalam bukunya yang bertajuk "Bumi Manusia", kerna modal manusia itu sanggup berbunuhan, hatta mengkomoditikan anak sendiri menjadi untaian kata yang paling tepat dalam menggambarkan apabila seseorang itu berada di dalam kesusahan akibat kurangnya modal untuk hidup, maka sudah pasti kehidupan bermasyarakat menjadi kacau bilau serta hilangnya ketamadunan sebagai seorang manusia.

Kekacauan yang berlaku ini akan membuka ruang dan peluang kepada Barat untuk mencampuri urusan dalaman negara atas nama demokrasi. Apabila mereka telah berjaya menguasai politik negara melalui proksi mereka, sudah pasti negara tersebut akan menjadi buffer zone kepada mereka untuk meneruskan agenda imperial di rantau tersebut. Pada ketika itu, tangisan dan air mata darah tidak lagi berguna kerana maruah dan kemerdekaan negara telah terlepas, hasil dari tangan-tangan rakyat yang menjadi petualang negara!

Sifat petualang ini semakin hari semakin mulai mekar dalam kalangan masyarakat Malaysia. Seolah-olah telah dihamparkan permaidani merah untuk dilalui oleh dajal-dajal asing memasuki istana Malaysia ini. Jika hal ini terus terjadi, tiada lagi

kata untuk diungkapkan melainkan tunggulah kehancuran yang bakal menjelma dan semoga berbangga dengan penjahanaman yang dilakukan!!

#Jentayu

#BuildTheNation